

14/03/2001

Lima juta pelajar akan perang dadah

KUANTAN, Selasa - Pembabit lima juta pelajar sekolah dan lebih 200,000 guru di seluruh negara dalam usaha membanteras dadah, mampu mempercepatkan hasrat menjadikan Malaysia bebas daripada dadah pada 2015, berbanding sasaran asal pada 2025.

Selain itu, Kementerian Pendidikan perlu memberi kerjasama bagi menjadikan pengetahuan mengenai dadah, sebagai subjek wajib pelajar pada peringkat universiti, kolej awam atau swasta, dalam usaha menyedarkan mereka terhadap bahaya dadah.

Yang Dipertua Pemadam, Datuk Zainal Abidin Zin berkata, Kementerian Pendidikan akan menganjurkan majlis kesedaran bahaya dadah membabitkan penyertaan 5,000 pelajar pada Mei ini, yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri yang juga Penaung Pemadam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Zainal Abidin berkata, dalam perhimpunan besar itu, pelajar terbabit akan membuat perakuan bagi mewakili lima juta pelajar di seluruh negara, berhubung kesediaan mereka membantu usaha kerajaan memerangi dadah bermula pada peringkat sekolah.

Katanya, program itu adalah susulan daripada penyertaan lebih 500 pelajar di Pusat Latihan Polis (Pulapol) di Kuala Lumpur, baru-baru ini, anjuran Kementerian Pendidikan.

Menurutnya, usaha membebaskan Malaysia daripada dadah memerlukan pembabit semua pihak, termasuk majikan kerana sebahagian besar pelajar yang menamatkan persekolahan mereka kelak, akan melangkah ke alam pekerjaan.

"Jika Pemadam dapat diwujudkan dalam sektor industri, ia dapat membantu berjuta pekerja menjauhi dadah," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat kelapan Majlis Anti Dadah Pemadam Kebangsaan, yang pertama kali diadakan di luar Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Mesyuarat yang sama akan diadakan di Johor Bahru pada 7 dan 8 Mei ini. Langkah bermesyuarat di luar Kuala Lumpur selaras hasrat Perdana Menteri, yang meminta semua pemimpin turun padang.

Zainal Abidin berkata, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga sedia memberi bantuan tenaga dan kemahiran, termasuk membenarkan Pemadam peringkat daerah dan negeri menghubungi Unit Anti Dadah ATM jika ingin mengadakan kursus atau latihan berkaitan dadah, selain membantu operasi mencegah pengaliran masuk dadah ke negara ini.

Sebagai badan induk membanteras dadah, katanya, Pemadam akan mencari sumber kewangannya sendiri menerusi majlis makan malam jubli perak pada 5 Mei yang dijangka dirasmikan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, Pemadam juga akan memungut derma menerusi satu persembahan kebudayaan pada September ini dan hasil kutipan dua majlis itu kelak, akan digunakan bagi membiayai program kesedaran yang dianjurnya.

(END)